

## **Kepercayaan Mahasiswa Terhadap Kerajaan**

---

*Oleh:*

*Muhamad Ali bin Embi dan Ahmad Faiz bin Hj Abd Hamid*

### **Abstract**

*The level of trust in government is important because its reflect the support of people to their government. The higher level of trust will give government more power to implement development to the country. Moreover, government that gain higher confidence from the people's can play their role effectively compared to the government who failed to gain support from them. This paper will discuss the level of trust among local universities students' in Malaysia. Their opinion is crucial because they are our future leader.*

**Kata kunci:** *mahasiswa, Kerajaan Persekutuan, kepercayaan*

### **I. PENDAHULUAN**

Kepercayaan terhadap kerajaan merujuk kepada sokongan padu rakyat terhadap pemimpin, dasar, jentera kerajaan serta pelaksanaan dasar dan projek oleh kerajaan yang memerintah. Mengetahui sejauhmana kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang memerintah adalah penting berdasarkan andaian bahawa kerajaan yang mendapat kepercayaan rakyat akan dapat berfungsi dengan lancar dan berkesan berbanding kerajaan yang kurang mendapat sokongan dari rakyat. Menurut Hardin (1993) kajian mengenai kepercayaan rakyat terhadap kerajaan menjadi semakin penting apabila masyarakat mulai bertambah, menjadi kompleks dan berlaku perubahan dari segi ekonomi dan budaya. Dalam keadaan sebegini perubahan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan perlu diambil kira terutamanya jika berlaku perubahan sokongan kepada pihak atau parti lain. Kehilangan sokongan rakyat terhadap kerajaan akan mengancam kestabilan negara dan menurunkan tahap kepatuhan rakyat terhadap dasar kerajaan. Manakala kesan daripada peningkatan kepercayaan rakyat kepada kerajaan akan memberi kemenangan terhadap parti dan kerajaan yang memerintah di dalam pilihanraya (Muller & Jukam, 1977).

Tahap kepercayaan rakyat terhadap kerajaan yang tinggi juga akan memberikan darjah kebebasan yang tinggi kepada kerajaan

untuk memerintah serta menentukan halatuju dan masadepan negara. Segala dasar yang dicadang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan akan disokong dan dipatuhi jika rakyat berdiri teguh di belakang kerajaan yang memerintah. Sebaliknya jika rakyat hilang kepercayaan terhadap kerajaan yang memerintah maka segala dasar kerajaan tidak akan dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana akan mendapat tentangan daripada rakyat.

Di dalam persekitaran sistem politik yang mengamalkan sistem demokrasi, tahap kepercayaan rakyat yang tinggi terhadap kerajaan yang memerintah akan memberi asas yang kukuh kepada kekuasaan pemerintahan kerajaan berkenaan. Ia juga menunjukkan bahawa pemerintahan kerajaan adalah stabil dan dihormati oleh rakyatnya. Malahan ia juga menggambarkan bahawa kuasa pemerintahan yang ada pada kerajaan berkenaan telah digunakan secara cekap dan berkesan. Walau bagaimanapun, kerajaan haruslah menyedari bahawa tampuk kekuasaan sesebuah kerajaan bukanlah sesuatu yang dinamik. Sekiranya kuasa pemerintahan berkenaan tidak digunakan secara bertanggungjawab, rakyat akan lebih cenderung untuk melakukan perubahan terhadap kerajaan berkenaan sama ada secara demokratik mahupun secara radikal.

Semenjak merdeka pada tahun 1957, kuasa memerintah negara ini telah dimonopoli oleh Barisan Nasional yang dahulunya dikenali sebagai Parti Perikatan. Rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat tanpa mengira kaum mahupun agama telah memberikan mandat dan sokongan padu kepada Barisan Nasional untuk menerajui kerajaan lebih daripada empat dekad. Walaupun ada peristiwa-peristiwa yang kurang menyenangkan seperti perbalahan kaum pada 13 Mei 1969, kemelesetan ekonomi 1980an dan peristiwa Memali 1986, namun rakyat Malaysia masih terus memberi sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional untuk memerintah negara hingga kini. Kemenangan dua pertiga Barisan Nasional di dalam setiap pilihanraya umum yang dijalankan adalah bukti sokongan tersebut.

Kekuasaan dua pertiga yang dimiliki oleh kerajaan memberi kuasa yang meluas kepada kerajaan untuk merangka dan melaksanakan segala dasar-dasar untuk membangunkan negara. Ia juga menjadi suatu petunjuk bahawa pihak kerajaan yang terdiri daripada pemimpin dan jentera kerajaan telah melaksanakan tugas mereka dengan sebaik mungkin serta kuasa pemerintahan yang ada telah digunakan secara bertanggungjawab demi kemakmuran rakyat Malaysia. Namun demikian, kepercayaan terhadap pemerintahan kerajaan Barisan Nasional ini, terutamanya kepercayaan orang

Melayu terhadap UMNO telah menurun sejak tahun 1995. Perpecahan dalaman UMNO akibat peristiwa pemecatan Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana kes salah laku seks telah menjejaskan sokongan padu rakyat terhadap kerajaan. Kegawatan ekonomi negara akibat serangan penyangak mata wang George Soros pada tahun 1997 juga menjejaskan sokongan rakyat kepada kerajaan.

Tidak seperti peristiwa-peristiwa yang melanda negara sebelum ini, kedua-dua peristiwa ini telah memecahbelahkan sokongan rakyat terutamanya kaum Melayu terhadap kerajaan. Akibatnya Barisan Nasional telah kehilangan 22 buah kerusi Parlimen dan 55 buah kerusi Dewan Undangan Negeri di dalam pilihanraya umum yang ke sepuluh yang diadakan pada 29 November 1999. PAS telah berjaya menawan dan menubuhkan kerajaan baru di Terengganu dan di Kelantan PAS telah berjaya mengekalkan pemerintahannya. Manakala di negeri-negeri seperti Kedah, Perlis, Pahang, Selangor dan Perak, PAS telah berjaya memenangi beberapa buah kerusi terutamanya di Kedah apabila PAS berjaya memenangi lapan daripada lima belas kerusi parlimen.

Penyingkiran Dato' Seri Anwar Ibrahim dari pentadbiran kerajaan dan kepimpinan UMNO atas kesalahan salahlaku seks, telah menarik simpati ramai mahasiswa universiti awam di Malaysia. Slogan reformasi yang diutarakan oleh beliau telah mendapat sambutan daripada ramai anak muda terutamanya golongan mahasiswa. Demonstrasi jalanan yang diadakan di sekitar Kuala Lumpur setelah penyingkiran Anwar Ibrahim telah mendapat sambutan hangat dari anak-anak muda. Begitu juga laman-laman web anti kerajaan seperti Laman Reformasi, Anwar Online, Mahazalim dan lain-lainnya tumbuh begitu banyak. Laman-laman ini mendapat tempat di kalangan golongan muda terutamanya mahasiswa Melayu kerana terdapatnya kemudahan komputer di universiti-universiti awam di Malaysia. Manakala rakan mereka daripada golongan lain seperti kaum Cina atau India lebih berhati-hati di dalam menyuarakan pandangan mereka.

Golongan mahasiswa juga turut terlibat secara aktif di dalam kegiatan politik negara seperti menyertai kempen pilihanraya dan mendaftar sebagai pengundi baru secara beramai-ramai sewaktu pendaftaran para pengundi yang diadakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) di antara April dan Mei 1999. Pendaftaran pengundi yang dijalankan oleh SPR ini menunjukkan seramai 681,120 orang pengundi baru layak mengundi. Peningkatan bilangan pengundi baru yang berdaftar agak luar biasa kerana

kebiasaannya bilangan yang mendaftar untuk mengundi pada waktu pendaftaran hanya sekitar 200,000. Menurut penganalisis politik, ramai pengundi muda yang baru mendaftar ini terdiri daripada golongan muda yang bersimpati dengan pihak pembangkang. Minat mendaftar sebagai pengundi berkait rapat dengan hasrat mereka untuk memberi 'pengajaran' kepada Barisan Nasional. Namun hasrat untuk mengundi di dalam pilihanraya 1999 tidak terlaksana apabila pihak Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) tidak dapat menyiapkan senarai pendaftar pengundi baru sehingga Februari tahun 2000.

Setelah hampir empat tahun pilihanraya umum 1999 berlalu, Malaysia kini berada di ambang pilihanraya umum yang ke-11. Golongan muda yang berjumlah lebih setengah juta yang gagal mengundi akan berpeluang untuk mengundi di dalam pilihanraya akan datang. Malah bilangan mereka yang mendaftar untuk menjadi pengundi tentulah semakin bertambah setelah hampir empat tahun pilihanraya berlalu. Kalau di dalam pilihanraya 1999 yang lalu, tanpa golongan setengah juta ini pihak pembangkang telah berjaya meningkatkan jumlah kerusi parlimen dan kerusi undangan negeri, bagaimanakah kesan penyertaan golongan ini di dalam pilihanraya umum akan datang?

Oleh itu kajian ini akan mengkaji kepercayaan golongan mahasiswa terhadap kerajaan setelah hampir tamat tempoh pilihanraya umum 1999 yang lalu dan bagi menghadapi pilihanraya di Malaysia yang akan berlangsung pada tahun 2004. Kajian terhadap golongan mahasiswa ini amat signifikan kerana golongan ini merupakan pemimpin pelapis dan sudah tentulah keyakinan mereka terhadap kerajaan adalah penting. Kajian ini ingin mengetahui umpamanya wujudkah tentangan golongan ini terhadap kerajaan disebabkan ketidak prihatinan kerajaan terhadap kehendak rakyat atau kerajaan tidak memberikan khidmat yang sewajarnya kepada rakyat, ataupun protes golongan tersebut merupakan suatu manifestasi yang bersifat sementara berdasarkan kepada simpati mereka terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim dan bukannya disebabkan kelemahan pentadbiran atau salahguna kuasa di pihak kerajaan.

## **II. METODE PENELITIAN**

Penyelidikan ini menggunakan metode survey dengan mengisi soal selidik (questionnaire) sebagai instrumen utama. Penyelidikan yang dilaksanakan di kalangan mahasiswa di Malaysia sebagai subyek

penyelidikan. Analisis dilakukan secara deskriptif kuantitatif dengan mempertimbangkan beberapa variabel yaitu negeri asal, universitas tempat belajar, tahun pengajian, jantina, bangsa, latar belakang pendidikan, kelayakan masuk Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), jurusan, dan beasiswa atau pinjaman pengajian.

### **III. HASIL DAN PEMBAHASAN**

#### **A. Persepsi Mahasiswa Terhadap Kerajaan.**

Persekutuan secara keseluruhannya majoriti mahasiswa mempunyai persepsi yang tinggi terhadap Kerajaan Persekutuan dan berpendapat bahawa prestasi Kerajaan Persekutuan adalah baik. Sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 1, seramai lebih daripada 70% mahasiswa bersetuju atau sangat bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik (74.1%,  $m=3.7761$ ) dan mereka berbangga dengan pemerintahan Kerajaan Persekutuan sekarang (72.3%,  $m=3.7552$ ). Seramai 71% mahasiswa juga bersetuju atau sangat bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan sekarang adalah yang terbaik walaupun terdapat beberapa kelemahan di dalam pentadbirannya dengan min  $m=3.7651$ . Malahan jumlah yang sama iaitu seramai 71% mahasiswa juga bersetuju atau sangat setuju bahawa perubahan perlu dilakukan terhadap pemerintahan Kerajaan Persekutuan bagi menyelesaikan masalah negara. Selain daripada itu seramai 61% bersetuju atau sangat setuju bahawa Kerajaan Persekutuan diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat dengan min  $m=3.5829$ . Peratusan yang tinggi di atas menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai persepsi yang tinggi terhadap pemerintahan Kerajaan Persekutuan dan pemerintahan Kerajaan Persekutuan menjadi kebanggaan majoriti mahasiswa di negara ini.

Walau bagaimanapun hanya separuh (50.2%,  $m=3.2821$ ) mahasiswa bersetuju atau sangat bersetuju bahawa pemerintahan Kerajaan Persekutuan memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat manakala seperempat tidak pasti dan seperempat lagi tidak bersetuju dengan kenyataan di atas. Salah satu faktor yang menyebabkan separuh mahasiswa tidak pasti atau tidak bersetuju bahawa Kerajaan Persekutuan memberi ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat ini adalah disebabkan oleh mereka tidak tahu bagaimana untuk menyuarakan pendapat dengan betul agar pendapat mereka didengar oleh Kerajaan.

**Jadual 1 : Prestasi Kerajaan Persekutuan**

Prestasi Kerajaan Persekutuan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dengan baik	13 1.4%	66 7.2%	157 17.2%	551 60.5%	124 13.6%	3.7761
Kerajaan Persekutuan diperintah oleh individu yang prihatin terhadap kepentingan rakyat	17 1.9%	89 9.8%	249 27.3%	458 50.3%	98 10.8%	3.5829
Kerajaan Persekutuan mentadbir wang negara dengan Betul	34 3.7%	131 14.4%	458 50.3%	247 27.1%	41 4.5%	3.1427
Kebanyakan individu yang berada di tampuk pemerintahan terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka buat	24 2.6%	110 12.1%	346 38.0%	364 40.0%	67 7.4%	3.3732
Kebanyakan individu yang menerajui kepimpinan Kerajaan Persekutuan adalah mereka yang jujur	59 6.5%	217 23.8%	440 48.3%	168 18.4%	27 3.0%	2.876
Saya berbangga dengan Pemerintahan Kerajaan Persekutuan	20 2.2%	74 8.1%	158 17.3%	516 56.6%	143 15.7%	3.7552
Perubahan perlu dilakukan terhadap pemerintahan Kerajaan Persekutuan bagi menyelesaikan masalah negara.	21 2.3%	57 6.3%	179 19.6%	393 43.1%	261 28.6%	3.8957
Mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti	60 6.6%	177 19.4%	340 37.3%	239 26.2%	95 10.4%	3.1449
Kerajaan sekarang adalah yang terbaik walaupun terdapat beberapa kelemahan di dalam pemerintahan	22 2.4%	74 8.1%	169 18.6%	477 52.4%	169 18.6%	3.7651
Pemerintahan Kerajaan Persekutuan memberi ruang untuk rakyat menyuarkan pendapat.	58 6.4%	162 17.8%	234 25.7%	379 41.6%	78 8.6%	3.2821

Selain daripada itu hanya 47.4% (m=3.3732) mahasiswa bersetuju atau sangat setuju bahawa kebanyakan individu yang berada di dalam tampuk pemerintahan adalah terdiri daripada pemimpin yang tahu apa yang mereka lakukan, manakala 38% tidak pasti dan 14.7% lagi tidak bersetuju. Majoriti mahasiswa juga iaitu seramai 50.3% (m=3.1427) tidak pasti bahawa Kerajaan Persekutuan mentadbir wang negara dengan betul dengan hanya 31.6% bersetuju atau sangat setuju dan baki 18.1% lagi tidak

bersetuju. Seramai 48.3% mahasiswa juga tidak pasti bahawa Kerajaan Persekutuan diterajui oleh mereka yang jujur dengan 29.3% lagi tidak bersetuju dan hanya 21.4% sahaja yang bersetuju atau sangat setuju. Manakala seramai 37.3% mahasiswa juga tidak pasti bahawa mereka yang menerajui kerajaan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti dengan hanya 36.6% yang bersetuju atau sangat setuju dan baki 26% lagi tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa walaupun majoriti mahasiswa mempunyai persepsi yang tinggi terhadap Kerajaan Persekutuan tetapi masih terdapat perkara-perkara yang masih kabur tentang prestasi Kerajaan Persekutuan.

## **B. Persepsi Mahasiswa Terhadap Kerajaan Persekutuan Berdasarkan Demografi**

### **1. Negeri Asal**

Negeri asal dibahagikan kepada empat kawasan iaitu kawasan utara, selatan, timur dan Sabah/Sarawak. Selaras dengan dapatan di atas, majoriti mahasiswa berpendapat bahawa prestasi Kerajaan Persekutuan adalah pada tahap yang baik. Walau bagaimanapun Jadual 2 menunjukkan di setiap kawasan terdapat mahasiswa yang berpendapat prestasi Kerajaan Persekutuan kurang baik atau buruk terutamanya dari kawasan Timur iaitu seramai 2.4% dan juga dari kawasan Sabah/Sarawak seramai hampir 2%. Jika dilihat dari segi pembangunan di kawasan Timur dan Sabah/Sarawak adalah agak kebelakang berbanding dengan kawasan-kawasan lain maka tidak hairanlah jika terdapat lebih ramai mahasiswa dari kawasan tersebut yang kurang senang dengan prestasi Kerajaan.

**Jadual 2 : Negeri Asal**

<b>Negeri Asal</b>	<b>Buruk</b>	<b>Kurang Baik</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Baik</b>	<b>Cemerlang</b>
Utara	0 0.0%	4 1.5%	53 20.5%	156 60.2%	46 17.8%
Selatan	1 0.3%	1 0.3%	44 15.4%	187 65.4%	53 18.5%
Timur	3 1.2%	3 1.2%	45 17.4%	172 66.7%	35 13.6%
Sabah/Sarawak	0 0.0%	2 1.9%	18 16.7%	64 59.3%	24 22.2%

### **2. Universiti**

Jadual 3 menunjukkan bahawa lebih daripada 70% mahasiswa dari setiap universiti yang dikaji berpendapat bahawa prestasi Kerajaan Persekutuan adalah baik atau cemerlang. Walau bagaimanapun terdapat segelintir mahasiswa yang berpendapat bahawa prestasi Kerajaan Persekutuan adalah buruk atau sangat buruk iaitu seramai 2.1% di UKM, 1% di UIA, 3% UTM, 1.5% UPSI dan 1.2% di USM. Peratus yang rendah ini sekiranya tidak dibendung kemungkinan akan menyebabkan merebaknya tanggapan negatif terhadap Kerajaan Persekutuan di kalangan mahasiswa IPTA, apatah lagi tanggapan negatif ini datang daripada mahasiswa di kebanyakan universiti yang dikaji.

**Jadual 3 : Universiti**

Universiti	Buruk	Kurang Baik	Sederhana	Baik	Cemerlang
UKM	1 0.5%	3 1.6%	27 14.2%	123 64.7%	36 18.9%
UIA	0 0.0%	1 1.0%	16 15.7%	67 65.7%	18 17.6%
UTM	2 1.5%	2 1.5%	30 22.6%	75 56.4%	24 18.0%
UPSI	0 0.0%	3 1.5%	34 17.4%	130 66.7%	28 14.4%
USM	1 0.6%	1 0.6%	35 20.6%	100 58.8%	33 19.4%
UM	0 0.0%	0 0.0%	18 14.9%	84 69.4%	19 15.7%

### 3. Tahun Pengajian

Jadual 4 menunjukkan bahawa tanggapan negatif terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan wujud terutamanya di kalangan mahasiswa di tahun dua (1.2%), tiga (2.7%) dan empat (2.1%) atau lebih dikenali sebagai mahasiswa senior berbanding mahasiswa junior atau tahun satu yang hanya seramai 0.5%. Manakala tiada seorangpun mahasiswa peringkat Sarjana yang mempunyai persepsi negatif terhadap Kerajaan. Keadaan ini salah satunya berpunca daripada mahasiswa junior masih baru berada di kampus, oleh itu semangat untuk belajar sangat kuat dan tidak terlalu memikirkan perkara-perkara sampingan yang boleh menjejaskan pelajaran mereka. Manakala mahasiswa di peringkat Sarjana pula kebiasaannya merupakan mahasiswa yang telahpun mempunyai pengalaman



pekerjaan dan lebih matang yang membantu mereka untuk membuat perbandingan prestasi Kerajaan Persekutuan dan pembangunan di Malaysia sebelum ini dengan lebih realistik.

**Jadual 4 : Tahun Pengajian**

<b>Tahun Pengajian</b>	<b>Buruk</b>	<b>Kurang Baik</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Baik</b>	<b>Cemerlang</b>
Tahun 1	0 0.0%	1 0.5%	23 11.3%	135 66.5%	4421.7%
Tahun 2	1 0.4%	2 0.8%	55 21.5%	158 61.7%	40 15.6%
Tahun 3	2 0.8%	5 1.9%	47 17.7%	165 62.3%	46 17.4%
Tahun 4	1 0.7%	2 1.4%	25 17.7%	90 63.8%	23 16.3%
Sarjana	0 0.0%	0 0.0%	10 21.7%	31 67.4%	5 10.9%

#### **4. Jantina**

Dari segi jantina pula didapati tanggapan negatif terhadap Kerajaan Persekutuan wujud terutamanya di kalangan mahasiswa lelaki (3%) berbanding mahasiswa perempuan ataupun mahasiswi (0.7%) sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 5.

**Jadual 5 : Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Buruk</b>	<b>Kurang Baik</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Baik</b>	<b>Cemerlang</b>
Lelaki	4 1.2%	6 1.8%	78 23.1%	196 58.2%	53 15.7%
Perempuan	0 0.0%	4 0.7%	82 14.3%	383 66.7%	105 18.3%

#### **5. Bangsa**

Jadual 6 menunjukkan bahawa bilangan mahasiswa Melayu yang memberikan tanggapan negatif terhadap Kerajaan Persekutuan adalah yang tertinggi iaitu seramai 11 orang (1.6%), walau bagaimanapun peratusnya adalah rendah berbanding mahasiswa India (2.4%) dan lain-lain (2.3%).

**Jadual 6: Bangsa**

Bangsa	Buruk	Kurang Baik	Sederhana	Baik	Cemerlang
Melayu	4 0.6%	7 1.0%	117 17.2%	434 63.9%	117 17.2%
Cina	0 0.0%	1 0.7%	27 18.4%	97 66.0%	22 15.0%
India	0 0.0%	1 2.4%	11 26.2%	22 52.4%	8 19.0%
Lain-lain	0 0.0%	1 2.3%	5 11.6%	26 60.5%	11 25.6%

## 6. Latarbelakang Pendidikan

Dari segi latarbelakang pendidikan, adalah menyedihkan apabila tanggapan negatif terhadap Kerajaan Persekutuan wujud terutamanya di kalangan mahasiswa yang berpendidikan dari Sekolah Menengah Kebangsaan (1.6%) dan Sekolah Berasrama Penuh (12.5%) yang ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan berbanding tiada satupun mahasiswa dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang tidak ditanggung oleh Kerajaan. Oleh itu langkah perlu diambil untuk membendung tanggapan negatif ini dan seterusnya mengambil langkah untuk memupuk rasa terima kasih terhadap Kerajaan yang telah memberikan peluang belajar kepada mereka.

**Jadual 7 : Latarbelakang Pendidikan**

Latarbelakang Pendidikan	Buruk	Kurang Baik	Sederhana	Baik	Cemerlang
Sek. Men. Kebangsaan	4 0.5%	8 1.1%	120 16.4%	470 64.4%	128 17.5%
Sek. Men. Agama	0 0.0%	1 0.8%	26 22.0%	73 61.9%	18 15.3%
Sek. Men. Jenis Kebangsaan	0 0.0%	0 0.0%	9 16.4%	34 61.8%	12 21.8%
Sek. Berasrama Penuh	0 0.0%	1 12.5%	5 62.5%	2 25.0%	0 0.0%

## 7. Kelayakan Masuk Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Jadual 8 menunjukkan bahawa tanggapan negatif terhadap Kerajaan Persekutuan wujud terutamanya di kalangan mahasiswa yang memasuki IPTA terutamanya melalui sijil STPM (2.1%) dan Matrikulasi (1.5%). Manakala tiada seorangpun mahasiswa yang memasuki IPTA melalui Diploma dan lain-lain kelayakan yang mempunyai persepsi negatif terhadap Kerajaan Persekutuan.

**Jadual 8 : Kelayakan Masuk ke IPTA**

Kelayakan Masuk	Buruk	Kurang Baik	Sederhana	Baik	Cemerlang
Matrikulasi	1 0.3%	4 1.2%	55 17.1%	214 66.5%	48 14.9%
STPM	3 0.7%	6 1.4%	74 16.9%	272 62.0%	84 19.1%
Diploma	0 0.0%	0 0.0%	15 19.0%	50 63.3%	14 17.7%
Lain-lain	0 0.0%	0 0.0%	16 22.5%	43 60.6%	12 16.9%

## 8. Jurusan

Persepsi negatif terhadap Kerajaan Persekutuan wujud terutamanya di kalangan mahasiswa yang mengikuti kursus Kejuruteraan (3%) sebagaimana dipaparkan dalam Jadual 9. Ini diikuti oleh mahasiswa yang mengikuti kursus Sains Sosial (1.7%), Sastera (1.2%) dan terakhir Sains Tulen (0.9%).

**Jadual 9 : Jurusan**

Jurusan	Buruk	Kurang Baik	Sederhana	Baik	Cemerlang
Sastera	1 0.4%	2 0.8%	44 16.6%	163 61.5%	55 20.8%
Sains Tulen	0 0.0%	2 0.9%	42 19.1%	149 67.7%	27 12.3%
Kejuruteraan	2 1.5%	2 1.5%	30 22.6%	75 56.4%	24 18.0%
Sains Sosial	1 0.3%	4 1.4%	44 15.0%	192 65.5%	52 17.7%

## 9. Biasiswa atau Pinjaman Pelajaran

Persepsi negatif terhadap Kerajaan Persekutuan wujud terutamanya di kalangan mahasiswa yang mendapat biasiswa atau pinjaman daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Yayasan Negeri atau Majlis Amanah Rakyat (MARA) iaitu seramai 3.3% dan diikuti oleh mahasiswa yang membiayai sendiri pengajian mereka (3%). Persepsi negatif terhadap Kerajaan Persekutuan yang wujud di kalangan mahasiswa yang tidak mendapat biasiswa atau pinjaman adalah tidak menghairankan kerana ia mungkin berpunca daripada rasa kecewa kerana tidak mendapat bantuan pelajaran. Namun adalah menyedihkan apabila persepsi negatif ini juga wujud di kalangan mahasiswa yang mendapat bantuan kerajaan atau badan berkanun. Tambahan pula tiada seorangpun mahasiswa yang mendapat bantuan daripada pihak swasta yang memberikan persepsi negatif kepada Kerajaan Persekutuan.

**Jadual 10 : Biasiswa / Pinjaman**

<b>Biasiswa/ Pinjaman</b>	<b>Buruk</b>	<b>Kurang Baik</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Baik</b>	<b>Cemerlang</b>
PTPTN	2 0.3%	4 0.6%	120 18.4%	430 65.8%	97 14.9%
JPA, Negeri, Badan Berkanun	2 1.1%	4 2.2%	29 16.3%	111 62.4%	32 18.0%
Sendiri	0 0.0%	2 3.0%	10 14.9%	31 46.3%	24 35.8%
Swasta	0 0.0%	0 0.0%	1 7.7%	7 53.8%	5 38.5%

## 10. Pekerjaan Waris

Dari segi pekerjaan waris, Jadual 11 menunjukkan persepsi negatif terhadap Kerajaan Persekutuan wujud di kalangan mahasiswa yang warisnya bekerja di dalam pelbagai bidang. Namun demikian, persepsi negatif terhadap Kerajaan Persekutuan ini dari segi peratusan tertinggi wujud di kalangan mahasiswa anak kepada petani, penternak atau nelayan iaitu seramai 3.5%.

**Jadual 11 : Pekerjaan Waris**

<b>Pekerjaan Waris</b>	<b>Buruk</b>	<b>Kurang Baik</b>	<b>Sederhana</b>	<b>Baik</b>	<b>Cemerlang</b>
Kakitangan Awam	1 0.3%	3 1.0%	68 23.7%	178 62.0%	37 12.9%
Kakitangan Swasta	1 0.6%	1 0.6%	14 8.6%	109 67.3%	37 22.8%
Bekerja Sendiri	0 0.0%	2 0.8%	50 19.9%	167 66.5%	32 12.7%
Petani/ Penternak & Nelayan	1 0.9%	3 2.6%	13 11.4%	86 75.4%	11 9.6%
Lain-lain	1 1.0%	3 3.1%	13 13.4%	65 67.0%	15 15.5%

### **III. PENUTUP**

#### **1. Kesimpulan**

Secara umumnya mahasiswa mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap Kerajaan Persekutuan. Menurut mereka Kerajaan Persekutuan merupakan kerajaan yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik di mana pemimpin-pemimpinnya prihatin terhadap kepentingan rakyat dan tahu apa yang mereka laksanakan untuk menjaga kebajikan rakyat. Walau bagaimanapun terdapat lebih kurang dua peratus mahasiswa yang memberi tanggapan negatif terhadap prestasi Kerajaan Persekutuan. Jika dilihat dari segi ciri-ciri demografi, didapati kebanyakan mahasiswa yang memberi tanggapan negatif terhadap kerajaan ialah mahasiswa yang mendapat bantuan kewangan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Yayasan Negeri atau Badan Berkanun. Ini menunjukkan bahawa bantuan yang diberikan oleh kerajaan adalah untuk kesejahteraan rakyatnya tanpa mengira sama ada mereka menyokong kerajaan ataupun sebaliknya. Walau bagaimanapun kerajaan perlulah mengambil inisiatif untuk membendung tanggapan negatif ini walaupun ia hanya lahir daripada segelintir mahasiswa kerana sekiranya tidak dibendung peratusan ini kemungkinannya akan meningkat pada masa akan datang. Apatah lagi tanggapan negatif datangnya daripada mahasiswa di kebanyakan universiti yang dikaji.

Selain daripada itu ramai mahasiswa yang masih meragui sama ada Kerajaan Persekutuan mentadbir wang Negara dengan

betul dan mereka yang menerajui kerajaan adalah mereka yang jujur dan meletakkan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan parti. Keraguan ini salah satunya berpunca daripada amalan rasuah yang sering dikaitkan dengan barisan kepimpinan kerajaan. Isu rasuah ini menyebabkan barisan kepimpinan kerajaan dicap sebagai tidak jujur, amanah dan adil. Sebagaimana yang ditekankan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, amalan rasuah ini mestilah diperangi habis-habisan bagi meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Sekiranya tidak dibendung, kerajaan kemungkinan akan kehilangan sokongan rakyat. Kehilangan sokongan rakyat terhadap kerajaan akan mengancam kestabilan negara dan menurunkan tahap kepatuhan rakyat terhadap dasar kerajaan.

Oleh itu untuk membina kepercayaan mahasiswa amnya dan rakyat umumnya kepada kerajaan sesuatu usaha perlu dilakukan. Ini kerana kepercayaan rakyat terhadap kerajaan adalah diperolehi, iaitu kerajaan mestilah berusaha untuk memperolehinya daripada rakyat melalui dasar, tindakan serta kepimpinan yang dapat menawan hati rakyat. Kehilangan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan menandakan pihak kerajaan gagal menawan kepercayaan rakyat di dalam tindakan-tindakan mereka.

## **2. Cadangan**

Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan kepercayaan mahasiswa adalah seperti berikut:

- a. Pemimpin kerajaan sama ada di peringkat pusat mahupun negeri mestilah berusaha mendekati mahasiswa melalui penyertaan pelbagai aktiviti sama ada yang diadakan di dalam mahupun luar kampus.
- b. Program khas bertujuan menanamkan dari menghargai (*sense of grateful*) di kalangan pelajar Bumiputera perlu diadakan. Pemilikan daria tersebut akan menjadikan mahasiswa lebih bertanggungjawab dan menghargai segala peluang yang dimiliki.
- c. Kerajaan mestilah prihatin di atas keresahan mahasiswa terhadap rasuah, pencemaran alam sekitar dan jenayah berat. Rancangan dan tindakan yang tegas bagi mengatasi ketiga-tiga masalah ini akan dapat meningkatkan kepercayaan mahasiswa khususnya dan rakyat amnya terhadap kerajaan.
- d. Kerajaan Negeri mestilah menjalankan program pembangunan sosio- ekonomi terutama di kawasan desa dan pedalaman.

Pembangunan seimbang antara bandar dan desa mesti dirancang dan dilaksanakan. Kawasan “*Malay-belt*” seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu perlu diberi tumpuan.

- e. Projek mega jika akan dilaksanakan mestilah dipastikan kesan dan faedahnya ke atas rakyat dan negara. Masyarakat mesti dimaklumkan secara jelas tentang rasional dan implikasi positif dari pelaksanaan projek tersebut. Hebahan maklumat melalui media massa perlu dilakukan.

### **Rujukan**

- Ahmad Faiz Hamid (2003). Sejarah GPMS. Kuala Lumpur: Sekretariat Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung.
- Ahmad Faiz dan Muhamad Ali (2004). Kepercayaan Mahasiswa Terhadap Kerajaan. Laporan penyelidikan tidak diterbitkan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abramson, P. R. dan A. W. Finifter (1981). On the meaning of political trust: New evidence from items introduced in 1978. *American Journal of Political Science*, 25, 297-307
- Baldassare, M. (1985). Trust in local government. *Social Science Quarterly*, 66, 704-712.
- Baloyra, E. A. dan J.D. Martz. (1979). Political attitude in Venezuela. Austin & London; University of Texas Press.
- Barber, B. (1983). *The Logic and Limits of Trust*. New Brunswick, NJ: Rutgers University Press.
- Bennett, S. E. (1984). Change in the public's perception of government attentiveness, 1964-1980. *Micropolitis*, 3, 309-348.
- Blau, P. M. (1964). *Exchange and power in social life*. New York: Wiley.
- Campbell, D. T. . dan D. W. Fiske (1959). Convergent and discriminant validation by the multitrait multimethod matrix. *Psychological Bulletin*, 56, 81-105
- Citrin, J., H. McClosky, J. M. Shanks & P. M. Sniderman (1975). Personal and political sources of political alienation. *British journal of Political Science*, 5, 1-31.
- Citrin, J. (1974). Comment: The Political relevance of trust in government. *American political Science Review*, 68, 973-988.
- Citrin, J. (1977). Political alienation as a social indicator. *Social indicator research*, 4, 381-419.

- Citrin, J., dan D. P. Green (1986). Presidential leadership and resurgence of trust in government. *British Journal of Political Science*, 16, 431-435.
- Craig, S. C., R. G. Niemi, & G. E. Silver (1990). Political efficacy and trust: A report on the NES Pilot study items. *Political Behaviour*, 12, 289-314.
- Easton, D. A. (1975). A re-assessment of the concept of political support. *British Journal of Political Science*, 5, 435-457.
- Finkel, S. E., E. N. Muller, & M. A. Seligson. (1989). Economic crisis, incumbent performance, and regime support: A comparison of longitudinal data from West Germany and Costa Rica. *British Journal of Political Science*, 19, 329-351.
- Hill, K.Q. (1982). Retest reliability for trust in government and governmental responsiveness measures : A research notes. *Political Methodology*, 8, 33-46.
- Mc Grath, E. J. (1970). *Should Student Share Their Power*. Philadelphia: Temple University Press.
- Miller, A. H.(1974). Political issue and trust in government : 1964-1970. *American Political Sciences Review*, 68. 951-972.
- Muller, E. N. dan T. O. Jukam. (1977). On the meaning of political support. *American Political Sciences Review*, 71. 1561-1595.
- Schmitt, H. (1983). Party government in public opinion: A European cross-national comparison. *European Journal of Political Research*, 11, 353-376.
- Sniderman, P.M. (1981). *A Question of Loyalty*. Berkley: University of California Press.
- Wan Manan Wan Muda dan Haris Md. Jadi (1991). *Akademia Menjelang 2000*. Pulau Pinang: Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran Universiti Sains Malaysia.